- (f) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal akaun(-akaun) Deposit, pinjaman/pembiayaan atau produk(-produk) Pelaburan dengan Bank; atau
- (g) Bankasurans/Bankatakaful Pelanggan tidak lagi berkuat kuasa dan/atau Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal Bankasurans/Bankatakaful; atau
- (h) jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk Bank meneruskan CPWS atau CPS Pelanggan.

1.5 Akaun Semasa/-i dan/atau Simpanan/-i CIMB dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit.

## 2. KRITERIA KELAYAKAN

2.1 Pelanggan hendaklah mengekalkan “**Baki Minimum**” dengan Bank mengikut cara yang berikut untuk layak menerima CPWS atau CPS. AUM akan dikira berdasarkan baki hujung bulan Pelanggan bagi bulan terkini:

### 2.1.1 Status CIMB Private Wealth (CPWS)

- (i) Deposit dan/atau Pelaburan dan/atau Bancassurance/Bancatakaful: AUM minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) pada setiap masa; **DAN**
- (ii) Pengurusan Kekayaan (Wealth Management, “WM”).dan/atau Akaun Semasa/-i / Akaun Simpanan/-i (CASA/-i): baki minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) pada setiap masa.

Baki WM & CASA/-i akan dikira sebagai Jumlah WM + Jumlah CASA/-i berdasarkan baki hujung bulan Pelanggan bagi bulan terkini.

### 2.1.2 Status CIMB Preferred (CPS)

- (i) **Deposit dan/atau Pelaburan dan/atau Bankasurans/Bankatakaful:** AUM minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000.00) pada setiap masa: **ATAU**
- (ii) **Pembiayaan Hartanah:** Pinjaman/Pembiayaan individu (Pinjaman/Pembiayaan Perumahan/Pinjaman/Pembiayaan Premis Perniagaan) minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) dengan Bank dan untuk dua belas (12) bulan pertama dari tarikh permulaan CPS Pelanggan. Pada tahun kedua CPS Pelanggan dan seterusnya, Pelanggan mesti mengekalkan Deposit dan/atau Pelaburan dan/atau Bankasurans/Bankatakaful minimum seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1.2: **ATAU**
- (iii) **Sewa Beli (Pinjaman/Pembiayaan Kenderaan):** Pinjaman/Pembiayaan sewa beli individu minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) dengan Bank untuk dua belas (12) bulan pertama dari tarikh permulaan CPS Pelanggan. Pada tahun kedua CPS Pelanggan dan seterusnya, Pelanggan mesti mengekalkan Deposit dan/atau Pelaburan dan/atau Bankasurans/Bankatakaful minimum seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1.2 (i).

2.2 Pengiktirafan Serantau: CPWS atau CPS yang diberikan di negara asal Pelanggan dalam rantau ASEAN boleh diiktiraf dan dilanjutkan secara serantau pada status yang sama, dengan syarat Pelanggan terus mengekalkan AUM yang diperlukan di negara asal pada setiap masa.

2.3 Bank boleh dari semasa ke semasa memutuskan untuk mengubah Syarat Baki Minimum AUM oleh Pelanggan dan/atau jumlah minimum pinjaman/pembiayaan/sewa beli seperti yang dinyatakan dalam

Klausa 2, dan akan memberikan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Kegagalan untuk mengekalkan syarat Baki Minimum seperti dalam Klausa 2 boleh mengakibatkan penamatan atau penggantungan status CPWS atau CPS setelah Bank memberikan notis bertulis awal selama empat belas (14) hari kalendar.

### 3. PROGRAM PENAMAAN

Bank boleh memberikan CPWS atau CPS kepada penama yang dikemukakan oleh Pelanggan di bawah program penamaan Bank tertakluk kepada penama memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 2 dan/atau Klausa 3.

#### 3.1 Program Penama Private Wealth

- (a) Bank boleh memberikan CPWS Bank kepada maksimum satu (1) ahli keluarga terdekat Pelanggan (ibu bapa, pasangan atau anak sahaja) yang dinamakan oleh Pelanggan dan dikemukakan kepada Bank ("**Penama Private Wealth**"). Pelanggan hanya boleh membuat penamaan tersebut jika beliau memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 2 pada setiap masa.
- (b) Penama Private Wealth mestilah merupakan seorang pemegang akaun deposit bersama dengan CPWS. Penama Private Wealth adalah tertakluk kepada Pelanggan mengekalkan CPWS serta memenuhi syarat Baki Minimum AUM seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.
- (c) Kegagalan Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth (yang juga dipertimbangkan sebagai Pelanggan setelah diberikan CPWS) untuk mengekalkan syarat Baki Minimum bagi AUM seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2 boleh membawa kepada pemberhentian, penamatan atau penggantungan CPWS dan/atau Penama Private Wealth setelah memberi notis bertulis awal selama empat belas (14) hari kalendar. Bank boleh menukar, menambah, meminda atau mengubah kelayakan serta syarat Baki Minimum bagi mana-mana Penama Private Wealth yang berkaitan untuk layak mengekalkan status CPWS, dengan memberikan notis bertulis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan dan Penama Private Wealth yang berkenaan.

#### 3.2 Program Penama Preferred

- (a) Bank boleh memberikan CPS Bank kepada maksimum tiga (3) ahli keluarga terdekat Pelanggan (ibu bapa, pasangan atau anak sahaja) yang dinamakan oleh Pelanggan dan dikemukakan kepada Bank ("**Penama Preferred**"). Pelanggan hanya boleh membuat penamaan tersebut jika beliau memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Klausa 2 pada setiap masa.
- (b) Penama Preferred mestilah merupakan seorang pemegang akaun deposit bersama dengan CPS. Penama Preferred adalah tertakluk kepada Pelanggan mengekalkan CPS serta memenuhi syarat Baki Minimum AUM seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.
- (c) Kegagalan Pelanggan dan/atau Penama Preferred (yang juga dipertimbangkan sebagai Pelanggan setelah diberikan CPS) untuk mengekalkan syarat Baki Minimum bagi AUM seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2 boleh membawa kepada pemberhentian, penamatan atau penggantungan CPS Pelanggan dan/atau Penama Preferred setelah memberi notis bertulis awal selama empat belas (14) hari kalendar. Bank boleh menukar, menambah, meminda atau mengubah kelayakan serta syarat Baki Minimum bagi mana-mana Penama Preferred yang berkaitan untuk layak mengekalkan status CPS, dengan memberikan notis bertulis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan dan Penama Preferred yang berkenaan.

#### 3.3 Program Penama Serantau

- (a) Bank boleh, atas budi bicara, memberikan CPS Bank kepada mana-mana individu yang menetap di Malaysia yang dinamakan oleh pelanggan CIMB Private Wealth atau Preferred dari negara ASEAN ("**Penama Serantau**").
- (b) Penama Serantau mestilah merupakan seorang pelanggan sedia ada Bank yang memegang jumlah AUM minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) pada setiap masa dari tarikh penamaan bagi tempoh dua belas (12) bulan supaya menjadi layak bagi CPS selama dua belas (12) bulan ("**Tempoh Percubaan**").
- (c) Setelah dilanjutkan dengan CPS dan selepas Tempoh Percubaan, Penama Serantau mestilah mengekalkan syarat Baki Minimum bagi AUM seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.
- (d) Kegagalan Penama Serantau (yang juga turut dianggap sebagai seorang Pelanggan setelah diberikan CPS) untuk mengekalkan AUM minimum dalam Bank seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2 boleh membawa kepada pemberhentian, penamatan atau penggantungan CPS Penama Serantau, setelah memberi notis bertulis awal selama empat belas (14) hari kalendar kepada Penama Serantau.
- (e) Bank berhak untuk menukar, menambah, meminda atau mengubah kriteria kelayakan yang terpakai sepanjang Tempoh Percubaan Penama Serantau dan/atau syarat AUM minimum yang terpakai bagi kesinambungan CPS untuk Penama Serantau, dengan memberikan notis bertulis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Penama Serantau.

#### 4. PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN KEISTIMEWAAN

- 4.1 Penggunaan oleh Pelanggan terhadap perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan kepada Pelanggan hasil daripada CPWS atau CPS mereka atau sebagai Penama Private Wealth atau Penama Preferred hendaklah menganggap sebagai Pelanggan terhadap Terma dan Syarat ini. Pelanggan boleh menyemak senarai penuh dan lengkap perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan tersebut serta Terma dan Syarat CIMB Private Wealth dan Preferred semasa di laman web Bank.
- 4.2 Pelanggan dan/atau mana-mana Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang berkaitan adalah tertakluk kepada fi dan/atau caj yang dikenakan oleh Bank bagi penggunaan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan sekiranya Pelanggan dan/atau mana-mana Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang berkaitan gagal mengekalkan AUM minimum yang ditetapkan dengan Bank pada setiap masa. Fi tahunan bagi Kad Kredit CIMB Private Wealth World Elite dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kad Kredit CIMB Travel. Walau apa pun perkara di atas, Bank boleh mengecualikan fi tahunan tersebut bagi Kad Kredit CIMB Private Wealth World Elite, secara penuh atau sebahagian, dari semasa ke semasa di bawah kempen yang dianjurkan oleh pihak Bank, tertakluk kepada Pelanggan memenuhi AUM minimum yang diperlukan dan kriteria kempen yang berkenaan.

#### 5. KOMUNIKASI ARAHAN

- 5.1 Pelanggan bersetuju secara nyata dan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk bertindak atas arahan-arahan Pelanggan yang diberikan melalui pos, yang mana Bank percaya ia dikeluarkan daripada Pelanggan tertakluk kepada Pelanggan memberikan tanggung rugi kepada Bank dalam bentuk dan kandungan sedemikian sebagaimana yang akan ditentukan oleh Bank.
- 5.2 Pelanggan hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran dan penipuan terhadap PIN, kata laluan dan/atau mekanisme keselamatan, kod akses, ciri-ciri atau peranti lain Pelanggan yang berkaitan dengan mana-mana akaun yang dikekalkan dengan Bank ("**Kod Akses Keselamatan**"). Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Kod Akses Keselamatan tidak didedahkan atau ditunjukkan kepada mana-mana orang lain dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk penggunaan Kod Akses Keselamatan.

#### 6. PENAMATAN PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN KEISTIMEWAAN

- 6.1 Bank berhak dengan memberikan notis awal selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang berkaitan, untuk menamatkan, menyekat atau menggantung CPWS atau CPS Pelanggan dan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang berkaitan sekiranya Pelanggan gagal mengekalkan kriteria kelayakan Baki Minimum yang dinyatakan dalam Klausula 2.
- 6.2 Penamatan CPWS atau CPS dan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred juga boleh disebabkan oleh yang berikut:
- (a) akaun(-akaun) Deposit, pinjaman/pembiayaan atau produk(-produk) Pelaburan Pelanggan dengan Bank:
    - (i) tidak berada dalam kedudukan yang baik; atau
    - (ii) disyaki oleh Bank untuk digunakan untuk sebarang komplot penipuan; atau
    - (iii) pada pendapat Bank telah dijalankan dengan tidak memuaskan; atau
  - (b) nama Pelanggan muncul dalam sebarang makluman atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, atau pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa yang lain; atau
  - (c) Bank berpendapat yang munasabah bahawa sebarang maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diusik dan/atau terdapat salah nyata identiti; atau
  - (d) Pelanggan memberi notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan CPWS atau CPS; atau
  - (e) apabila Pelanggan meninggal dunia atau ketidakwarasan atau jika Pelanggan melakukan tindakan kebangkrapan; atau
  - (f) Pelanggan tidak memenuhi kriteria kelayakan untuk CPWS atau CPS termasuk tetapi tidak terhad kepada syarat Baki Minimum menurut Klausula 2; atau
  - (g) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini; atau
  - (h) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal akaun(-akaun) Deposit, pinjaman/pembiayaan atau produk(-produk) Pelaburan dengan Bank; atau
  - (i) Bankasurans/Bankatakaful Pelanggan tidak lagi berkuat kuasa dan/atau Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang mengawal Bankasurans/Bankatakaful; atau
  - (j) bagi mematuhi mana-mana undang-undang atau sebarang perubahan kepada undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau akta atau arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan atau penguatkuasaan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak); atau
  - (k) jika terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang untuk Bank meneruskan CPWS atau CPS Pelanggan.

Untuk mengelakkan keraguan, penamatan CPWS atau CPS Pelanggan juga boleh membawa kepada penamatan penggunaan perkhidmatan atau servis yang diberikan kepada Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang dinamakan oleh Pelanggan.

- 6.3 Bank juga berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menamat, membatalkan, meminda, mengubahsuai, menyemak semula, menyekat atau menggantung semua atau mana-mana perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan menurut Terma dan Syarat ini yang disediakan atau yang akan disediakan, dengan memberi notis awal selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan.

- 6.4 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan atau pampasan bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred yang berkaitan akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan CPWS atau CPS dan/atau semua atau mana-mana perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan dan/atau pemindahan automatik yang dirujuk dalam Klausa 2, melainkan yang sama adalah disebabkan oleh penipuan, keingkaran sengaja atau kecuai Bank. Tiada sebarang keadaan pun jua Bank akan bertanggungjawab terhadap sebarang ganti rugi teladan atau punitif, kerugian atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, turutan dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi tulen atau kerugian atau ganti rugi setara yang Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred mungkin alami disebabkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan Bank, walaupun Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerugian atau ganti rugi sedemikian terlebih dahulu.
- 6.5 Selepas penamatan oleh Bank ke atas status Pelanggan di bawah CPWS atau CPS atau sebagai Penama Private Wealth atau Penama Preferred, atau akibat kegagalan Pelanggan untuk mengekalkan AUM minimum yang ditetapkan pada setiap masa, Pelanggan adalah tertakluk kepada fi dan/atau caj yang berkaitan bagi penggunaan berterusan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berkaitan dengan CPWS atau CPS atau status sebagai Penama Private Wealth atau Penama Preferred.
- 6.6 Penggunaan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan oleh Pelanggan dan/atau Penama Private Wealth atau Penama Preferred akan ditamatkan secara automatik selepas penamatan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada mereka selaras dengan Terma dan Syarat ini.

## 7. PENYATA GABUNGAN

- 7.1 Sekiranya Pelanggan mempunyai berbilang akaun dengan alamat surat-menyurat yang sama, akaun-akaun tersebut akan digabungkan ke dalam satu penyata ("**Penyata Gabungan**").
- 7.2 Hanya akaun penyertaan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun tunggal atau pemegang akaun bersama utama akan digabungkan ke Penyata Gabungan.
- 7.3 Penyata Gabungan akan dihantar melalui pos secara bulanan ke alamat Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod Bank. Sekiranya Pelanggan tidak ingin menerima salinan fizikal Penyata Gabungan tetapi ingin menerima yang sama melalui e-mel, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking di 1300 885 300 atau menulis kepada CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799) di Peti Surat 10063, 50704 Kuala Lumpur, Malaysia atau dengan mengunjungi mana-mana cawangan Bank.

## 8. PERKHIDMATAN MAKLUMAN SMS DAN WHATSAPP

- 8.1 Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar sebarang maklumat akaun, kemaskini dan peringatan berhubung dengan akaun Pelanggan yang dikekalkan dengan Bank termasuk baki tertunggak, baki sedia ada, had overdraf, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apa-apa kemaskini lain yang Bank boleh sediakan dari semasa ke semasa melalui khidmat pesanan ringkas ("**Makluman SMS**") dan/atau WhatsApp yang dihantar ke nombor mudah alih Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod Bank.
- 8.2 Maklumat, kemaskini dan peringatan yang dihantar melalui Makluman SMS dan/atau WhatsApp tidak akan dianggap sebagai rekod muktamad, konklusif dan terikat dan tidak akan membentuk rekod Bank atau untuk akaun yang mana berkaitan apabila ia ditunjukkan bahawa perkara yang sama mengandungi kesilapan jelas atau kesilapan yang berada di luar kawalan munasabah Bank.
- 8.3 Bagi keselamatan Pelanggan sendiri, Bank boleh menggantung Makluman SMS dan/atau WhatsApp dengan serta-merta dan memaklumkan kepada Pelanggan secepat yang boleh dilaksanakan sekiranya Bank mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa Pelanggan tidak menerima Makluman SMS dan/atau WhatsApp, atau orang lain yang menerima Makluman SMS dan/atau WhatsApp.

- 8.4 Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan kepada Bank segera jika telefon mudah alih Pelanggan telah hilang atau dicuri, secara bertulis atau dengan melawat mana-mana cawangan Bank. Setelah pemberitahuan tersebut, Makluman SMS dan/atau WhatsApp akan digantung dengan segera sehingga Bank menerima pemberitahuan bertulis Pelanggan berkenaan dengan nombor mudah alih baharu Pelanggan.
- 8.5 Makluman SMS dan/atau WhatsApp akan terus dihantar ke nombor mudah alih Pelanggan melalui rangkaian telefon asing jika Pelanggan menggunakan nombor mudah alih luar negara. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya maklumat rahsia Pelanggan dibocorkan atau didedahkan kepada mana-mana orang melalui pengendali rangkaian pihak ketiga melainkan perkara yang sama disebabkan oleh penipuan, keingkaran sengaja atau kecuai Bank.
- 8.6 Pelanggan boleh meminta untuk berhenti langganan perkhidmatan WhatsApp dengan Bank dengan mengikuti proses sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 8.7 Perkhidmatan WhatsApp dimiliki oleh pihak ketiga yang tidak berkaitan dengan Bank. Pelanggan hendaklah secara bebas dipandu oleh dasar privasi WhatsApp dan pihak ketiga atau syarikat kumpulan WhatsApp.
- 8.8 Bank tidak membuat representasi dan tidak memberi waranti berkenaan dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan selular atau oleh WhatsApp atau mana-mana penyedia perkhidmatan lain yang membolehkan Bank untuk menghantar maklumat, kemas kini dan peringatan melalui WhatsApp kepada Pelanggan.
- 8.9 Pelanggan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank atas ketiadaan perkhidmatan WhatsApp atau kegagalan prestasi oleh penyedia perkhidmatan, jika ada, yang dilibatkan oleh Bank atau apa-apa kerugian atau ganti rugi ke atas Pelanggan akibat daripada penggunaan perkhidmatan WhatsApp untuk sebab-sebab yang bukan disebabkan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, wabak/pandemik, sekatan undang-undang, kerosakan dalam rangkaian telekomunikasi atau kegagalan rangkaian, atau apa-apa sebab lain yang berada di luar kawalan Bank.
- 8.10 Bank tidak menjamin kerahsiaan atau keselamatan mesej sama ada secara peribadi atau sebaliknya melalui perkhidmatan WhatsApp. Bank tidak memberikan waranti dan/atau representasi dalam bentuk apa pun berhubung dengan sistem dan rangkaian atau fungsi atau prestasi mereka dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau ganti rugi bila-bila masa dan bagaimanapun jua dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau oleh mana-mana orang yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan perkhidmatan WhatsApp melainkan perkara yang sama ditunjukkan sebagai akibat daripada penipuan Bank, keingkaran sengaja atau kecuai Bank.

## **9. ARAHAN TELEKOMUNIKASI**

- 9.1 Bagi memastikan Bank melaksanakan arahan-arahan secara tepat, semua panggilan telefon antara Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking /pegawai Bank dan Pelanggan akan direkodkan dan Pelanggan memberikan persetujuannya untuk rakaman tersebut dan seterusnya bersetuju bahawa rakaman tersebut akan dianggap sebagai muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan. Bank juga boleh memantau panggilan-panggilan tersebut bagi tujuan untuk meningkatkan perkhidmatannya.
- 9.2 Atas permintaan Pelanggan, Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking/ pegawai Bank diberi kuasa untuk mengedarkan maklumat yang berkaitan dengan akaun Pelanggan, kadar pertukaran atau kadar faedah/ keuntungan melalui telefon. Maklumat / kadar sedemikian jika diberikan melalui telefon, tidak akan mengikat Bank melainkan kemudiannya disahkan secara bertulis oleh Bank.
- 9.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk bergantung dan bertindak dengan sewajarnya atas arahan yang diterima oleh Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking

/pegawai Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon mudah alih (termasuk SMS atau Perkhidmatan Pesanan Multimedia yang dihantar dari telefon mudah alih Pelanggan dalam rekod Bank), aplikasi perbankan mudah alih, e-mel atau kaedah-kaedah telekomunikasi lain (secara kolektif dikenali sebagai "**Arahan Telekomunikasi**") selepas mengambil langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan/atau mana-mana orang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan dan/atau mana-mana orang sekiranya Arahan Telekomunikasi tersebut sebenarnya berasal daripada individu yang tidak diberi kuasa melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh penipuan Bank, keingkaran sengaja atau kecuai Bank.

- 9.4 Bank boleh (tetapi tidak akan mempunyai kewajiban untuk) bertindak atas Arahan Telekomunikasi dan boleh menganggap perkara yang sama seperti diberikan kuasa sepenuhnya oleh dan mengikat Pelanggan selagi Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking/ pegawai Bank yang berkenaan percaya bahawa Arahan Telekomunikasi adalah tulen pada masa ia diberikan .
- 9.5 Bank boleh (tetapi tidak akan mempunyai kewajiban untuk) mengesahkan Arahan Telekomunikasi dengan pengenalan T-pin dan kod pengenalan atau pertanyaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank boleh dari semasa ke semasa dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap mana-mana penyalahgunaan T-pin atau kod pengenalan.
- 9.6 Pelanggan memperakui untuk memastikan Bank dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, ejen-ejen dan wakil-wakilnya ("**Wakil Bank**") menanggung rugi terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi, (sama ada secara langsung atau tidak langsung), kerugian (termasuk kerugian turutan), kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank dan/atau Wakil Bank yang timbul daripada apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan untuk dilakukan menurut mana-mana arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan/atau diterima melalui Arahan Telekomunikasi, melainkan perkara yang sama disebabkan oleh penipuan Bank, keingkaran sengaja atau kecuai Bank.
- 9.7 Bank tidak mempunyai kewajiban untuk menerima dan bertindak terhadap Arahan Telekomunikasi untuk:
  - (i) menukar mandat akaun;
  - (ii) menukar penandatanganan yang diberi kuasa;
  - (iii) memberi Surat Kuasa Wakil kepada orang/entiti lain;
  - (iv) menutup akaun Pelanggan dan memindahkan baki yang tinggal daripada akaun Pelanggan; atau
  - (v) memindahkan dana dan/atau melaksanakan sebarang transaksi kewangan melebihi had harian maksimum yang dibenarkan oleh Bank dan disampaikan kepada Pelanggan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.8 Bank boleh memperkenalkan langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan sejauh mungkin Arahan Telekomunikasi telah diberi kuasa oleh Pelanggan.
- 9.9 Pemegang akaun bersama mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank tidak diberi kuasa untuk melaksanakan Arahan Telekomunikasi dan/atau pertanyaan berhubung dengan CPWS atau CPS melalui Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking. Arahan telekomunikasi tidak dibenarkan untuk akaun bersama dengan mandat operasi 'dan'.

## 10. KLAUSA PRIVASI

- 10.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my)) dan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, sebagaimana yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
- 10.2 Sekiranya Pelanggan membekalkan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan waris kadim dan tanggungan Pelanggan ("**pihak**

**ketiga**"), untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini (a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah memperoleh persetujuan daripada pihak ketiga atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengemaskini Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan material kepada maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan apabila pemberitahuan terdahulu diberikan kepada Pelanggan sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.

- 10.3 Di mana Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butir-butir yang berkaitan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dengan mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki sebarang transaksi merentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi merentas sempadan tersebut.
- 10.4 Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa pada masa kini dan/atau pada masa akan datang menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan pelaporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau dari mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank memastikan status Pelanggan sebagaimana yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan sebagai contoh apabila Bank perlu (a) menyemak butir-butir mengenai permohonan untuk kredit dan yang berkaitan dengan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan kredit dan akaun atau kemudahan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan kajian terhadap portfolio Pelanggan; (c) memulihkan hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Pelanggan akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pelanggan guna atau telah gunakan dan mana-mana pemohon secara bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan Pelanggan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan dan untuk mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.
- 10.5 Meskipun selepas Pelanggan telah memberikan kepada Bank dengan sebarang maklumat, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelumnya, kecuali di mana pendedahan maklumat Pelanggan adalah perlu untuk penyediaan Kemudahan dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pelanggan untuk mematuhi keperluan kontrak atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang.
- 10.6 Bagi tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain perkhidmatan yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan-cawangan, pejabat-pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 10.7 Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausa lain dalam terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan akaun deposit dan/atau akaun/produk pelaburan dan/atau Bankasurans/Bankatakaful dan/atau perjanjian lain Pelanggan dengan Bank yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

## 11. PERKARA LAIN-LAIN

- 11.1 Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubahsuai, mengubah, memadam, menambah atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada menambah, mengubahsuai, mengubah atau menentukan terma-terma dan syarat-syarat lanjut berhubung dengan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan yang ditawarkan kepada Pelanggan ("**Pindaan**"), dengan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Pindaan tersebut boleh dibuat bagi memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem, atau disebabkan oleh keperluan perundangan atau pengawalseliaan, atau atas sebab-sebab yang akan dinyatakan oleh Bank dalam notis tersebut.
- 11.2 a) Pemberitahuan kepada Pelanggan berkenaan dengan sebarang Pindaan boleh melalui salah satu kaedah komunikasi berikut:
- (i) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
  - (ii) notis di cawangan-cawangan Bank; dan/atau
  - (iii) iklan di dalam satu surat akhbar pilihan Bank; dan/atau
  - (iv) notis kepada alamat surat-menyurat terakhir diketahui Pelanggan; dan/atau
  - (v) mel elektronik ("e-mel") ke alamat e-mel Pelanggan atau dengan mana-mana cara komunikasi serta-merta lain yang dipilih oleh Bank, contohnya: khidmat pesanan ringkas (SMS), WhatsApp dan mel suara.
- b) Peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh didapati dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan atas permintaan. Pindaan tersebut disifatkan sebagai terikat Pelanggan dari tarikh yang boleh ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web Bank di [www.cimbprivatewealth.com.my](http://www.cimbprivatewealth.com.my) atau [www.cimbpreferred.com.my](http://www.cimbpreferred.com.my) pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma dan Syarat CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred, memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskini dengan sebarang perubahan pada Terma dan Syarat ini.
- c) Notis yang diberikan oleh Bank adalah dianggap diterima oleh Pelanggan pada masa paling awal yang berikut:-
- (i) tarikh notis diposkan dalam laman web Bank atau cawangan Bank; atau
  - (ii) tarikh penerbitan pertama dalam satu surat khabar pilihan Bank; atau
  - (iii) pada masa penghantaran, jika dihantar melalui serahan tangan atau kurier; atau
  - (iv) tujuh (7) hari kalendar selepas; (a) tarikh pengeposan notis; atau (b) tarikh pengeposan notis kepada Pelanggan; atau
  - (v) serta-merta, pada masa notis dihantar kepada Pelanggan, jika dihantar melalui faksimile, e-mel atau cara komunikasi serta-merta lain (termasuk WhatsApp, SMS dan rakaman suara).
- 11.3 Pelanggan boleh menamatkan CPWS atau CPS selaras dengan Klausa 6.2(d) sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut.
- 11.4 Pelanggan mengakui bahawa CPWS atau CPS adalah bersifat peribadi dan tidak boleh dipindah milik.
- 11.5 a) Bank boleh (tetapi tidak diperlukan untuk) menghantar pemberitahuan atau komunikasi lain kepada Pelanggan melalui pos biasa, serahan tangan, perkhidmatan kurier, e-mel, telefon, SMS, WhatsApp, perkhidmatan mel suara atau melalui apa-apa cara lain yang ia anggap sesuai. Pemberitahuan boleh melalui rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain dan boleh dihantar ke alamat surat-menyurat, alamat e-mel, nombor telefon mudah alih Pelanggan atau butiran perhubungan lain dalam rekod Bank. Pemberitahuan adalah berkesan dan dianggap telah diterima oleh Pelanggan dalam cara yang sama diberikan dalam Klausa 11.2(c) .
- b) Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan notis dan/atau komunikasi daripada Bank tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk:
- (i) apa-apa pemaluan diakibatkan atau untuk apa-apa kerugian atau ganti rugi, jika notis dan/atau komunikasi tersebut daripada Bank telah dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga; dan

- (ii) apa-apa kerugian dan ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan diakibatkan oleh apa-apa:-
    - (a) kesilapan dalam penghantaran;
    - (b) ketidaktepatan, ketidaklengkapan, kelewatan, tidak dihantar atau silap penghantaran kepada mana-mana pihak ketiga;
    - (c) maklumat diakses dengan tidak betul, atau penggunaan atau tafsiran maklumat yang dihantar dengan salah atau tidak dibenarkan; dan
    - (d) menuntut untuk fitnah atau slander berbangkit daripada mana-mana maklumat dihantar melainkan Pelanggan menunjukkan mereka berbangkit daripada dan adalah diakibatkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkarannya Bank.
  - c) Pelanggan mestilah memaklumkan Bank dengan segera jika terdapat apa-apa perubahan (i) alamat surat-menyurat, (ii) alamat e-mel, (iii) nombor telefon dan/atau (iv) butiran lain Pelanggan yang direkod dengan Bank, melalui saluran yang dibenarkan oleh Bank, untuk memastikan semua notis dan/atau komunikasi sampai Pelanggan tepat pada masanya.
- 11.6 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan oleh Pelanggan penyata akaun dari Bank tentang sebarang peninggalan, entri yang tidak betul, debit yang dilakukan dengan salah, kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan apa jua bentuk dalam penyata akaun, sekiranya gagal, Pelanggan akan dianggap sebagai telah secara konklusif menerima entri dan sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata akaun sebagai benar dan betul dan mungkin tidak layak meminta agar sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan diperbetulkan.
- 11.7 Masa hendaklah menjadi intipati tetapi kegagalan Bank menjalankan atau menangguhkan pelaksanaan atau penguatkuasaan hak atau remedinya terhadap Pelanggan tidak akan beroperasi sebagai suatu penepian begitu juga dengan apa-apa pelaksanaan sebahagian daripada mana-mana hak atau remedi tidak akan prejudis atau mempengaruhi hak Bank untuk kemudiannya bertindak secara tegas selaras dengan hak atau remedinya.
- 11.8 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kecederaan, kesulitan atau rasa malu yang dialami oleh Pelanggan, Penama Private Wealth atau Penama Preferred disebabkan oleh kelewatan dalam prestasi atau kegagalan prestasi kewajipan Bank yang disebabkan oleh sebarang sebab di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer, elektronik, elektrik, kegagalan sistem, kepincangan, gangguan atau kerosakan untuk sebarang tempoh masa.
- 11.9 Ketidaksahan, ketidaksahihan atau ketidakboleh-kuatkuasaan mana-mana peruntukan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan mana-mana peruntukan lain Terma dan Syarat ini.
- 11.10 Terma dan Syarat ini hendaklah pada setiap masa dan dari semasa ke semasa tertakluk kepada, ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan yang mana Bank tertakluk kepadanya. Pelanggan menyerah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 11.11 Hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah terus berkuatkuasa dan dilaksanakan dan akan terus bertahan dalam sebarang penamatan atau penggantungan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan oleh Bank.
- 11.12 Terma dan Syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun apa-apa pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi-operasi, aset-aset atau liabiliti-liabiliti Bank atau apa-apa perubahan dalam Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank dijalankan buat masa ini.
- 11.13 Terma dan Syarat ini hendaklah sebagai tambahan kepada dan tidak menjejaskan apa-apa susunan tertentu berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan menurut Terma dan Syarat pada masa kini atau selepas ini wujud antara Bank dan Pelanggan atau apa-apa Terma dan Syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.

- 11.14 Terma dan Syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun kematian Pelanggan dan hendaklah mengikat pewaris, wakil diri dan pengganti hak milik Bank dan Pelanggan masing-masing. Hak dan kewajiban Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini tidak boleh diserahkan atas apa-apa jua sebab.
- 11.15 Terma dan Syarat ini akan menggantikan semua Terma dan Syarat, perjanjian-perjanjian atau pengaturan-pengaturan sebelumnya, jika ada, yang dilakukan di antara Bank dengan Pelanggan, sama ada secara bertulis atau lisan berkenaan dengan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan.
- 11.16 Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau Terma dan Syarat yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berhubung dengan dan/atau yang timbul di bawah akaun Deposit, Pinjaman dan/atau Pembiayaan, dan/atau akaun Pelaburan dan/atau Bankasurans/Bankatakaful Pelanggan berkenaan yang dikekalkan dengan Bank.
- 11.17 Di mana konteks mengizinkan, perkataan yang memaksudkan nombor tunggal hendaklah termasuk nombor majmuk dan sebaliknya, perkataan yang memaksudkan jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin serta neuter dan sebaliknya.
- 11.18 Bagi aduan-aduan yang berkaitan, Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank yang mempunyai alamat, telefon dan e-mel berikut (atau mempunyai alamat, telefon dan e-mel lain yang boleh ditukar oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan):

Alamat : Unit Resolusi Pelanggan,  
Peti Surat 10338,  
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan  
Tel : 1300 885 300 (Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking)  
Alamat E-mel : [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)

- 11.19 Bagi sebarang pertanyaan lain, sila kunjungi mana-mana cawangan Bank seluruh negara atau hubungi Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred Banking di 1300 885 300/ +603 2295 6888 atau e-mel [cimbpreferred.callcentre@cimb.com](mailto:cimbpreferred.callcentre@cimb.com)